

# CUEPACS akur penjelasan PM

UM - 2 MAY 2000

Oleh ABDULLAH HAMID

**P**ADANG BESAR 1 Mei — Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) akur dengan penjelasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, bahawa gaji minimum RM1,200 adalah tinggi dan tidak dapat diterima.

Presiden CUEPACS, N. Siva Subramaniam berkata, oleh itu CUEPACS dan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) akan mengkaji balik cadangan gaji minimum dan akan mencadangkan satu kadar baru.

Beliau meneeaskan, bukannya angka yang perlu dipertahankan dalam tuntutan gaji minimum itu sebaliknya penetapan mestilah melalui satu norma yang mengambil kira faktor-faktor rasional.

"Kita tidak boleh tetapkan angka secara umum kerana ia akan memberi impli-

kasi kepada bidang-bidang yang memerlukan kemahiran tinggi. Sekiranya ditetapkan ia boleh dieksploiti oleh pelabur asing ke atas pekerja kita," katanya.

Beliau bercakap pada sidang akhbar selepas majlis Sambutan Hari Pekerja 2000 CUEPACS seluruh negara, di Gua Kelam, Kaki Bukit dekat sini hari ini.

Lebih 500 orang mengambil bahagian dalam acara larian serta ikrar pekerja pada majlis itu yang dirasmikan oleh Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim.

Siva menambah, CUEPACS dan MTUC akan mengadakan perbincangan minggu depan serta merumuskan pendirian bersama untuk dibincangkan dengan pihak kerajaan.

Katanya, CUEPACS hanya berhasrat mengadakan perbincangan bersama atas tanggungjawab sosialnya membantu kalangan pekerja di sektor swasta.

Siva berpendapat kadar gaji minimum itu boleh ditetapkan mengikut bidang pekerjaan melibatkan kemahiran dan kelayakan akademik.

Misalnya, kata beliau, pekerja bidang robotik dan teknoloei maklumat (IT) memerlukan kemahiran yang tinggi dan sudah tentu gaji minimum mereka lebih tinggi daripada seorang pekerja pejabat.

"Kita harus menerima hakikat terhadap norma asas bahawa yang berkemahiran tinggi harus menerima gaji minimum yang lebih tinggi, yang berbeza dengan mereka yang tidak berkemahiran serta separuh mahir," katanya.

Selain itu keperluan kepada kemahiran dalam bidang IT yang diperlukan semasa juga perlu diambil kira, tambahnya.

Oleh itu kata beliau, kajian mesti diteliti sedalam-dalamnya kerana kenyataan yang harus diterima se-

karang ialah kalangan graduan sudah menjadi kakitangan pengurusan pertengahan manakala pembantu pejabat pula sudah memerlukan kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia dan diploma.

Siva menjelaskan, perkara itu bertambah penting disebabkan ia menyentuh juga keperluan menarik pelabur asing serta pada masa yang sama mengelakkan pekerja daripada menjadi mangsa diskriminasi mereka.

"Kita tidak mahu pekerja kita mendapat upah yang begitu rendah sedangkan pekerja untuk pelabur yang sama di negara asing mendapat kadar gaji yang lebih tinggi," katanya.

Dalam pada itu Siva berkata, sungguhpun negara ini belum menetapkan gaji minimum, kebajikan pekerja lebih baik berbanding sesetengah negara jiran yang menetapkan kadar itu tetapi tidak tegas melaksanakannya.